

Kadir: Perebutan Timbalan Presiden tak mungkin berlaku

UM 18 JUN 2003
KUALA LUMPUR 17 Jun — Anggota Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir berkata perebutan jawatan Timbalan Presiden UMNO seperti yang dikhuatiri oleh Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad tidak mungkin berlaku kerana semua pihak telah memahami sepenuhnya tanggungjawab masing-masing.

Beliau berkata situasi seperti itu boleh dijadikan sebagai panduan dan amanat Dr. Mahathir sebelum beliau mengundurkan diri dari arena politik negara.

Katanya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai bakal Perdana Menteri dan juga Presiden UMNO pasti mengetahui dengan jelas calon yang berkecualan untuk dilantik sebagai Timbalan Presiden parti.

“Selama ini kita melihat Pak Lah (Abdullah) sebagai pemimpin yang berkaliber dan mempunyai keperibadian yang terpuji. Saya yakin pemilihan yang beliau lakukan untuk mengisi jawatan Timbalan Presiden akan dibuat dengan penuh berakal, bijak dan telus.

“Tidak ada apa yang perlu kita bimbangkan. Semuanya akan berjalan dengan lancar, InsyaAllah. Tetapi semua orang perlu memahami dengan jelas tanggungjawab dan asas perjuangan parti,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan pameran Seni Grafik Kontemporari Croatia di Pusat Pelancongan Malaysia (MTC) di sini.